


[NASIONAL](#) [ARTIKEL](#) [WILAYAH](#) [LUAR NEGARA](#) [HIBURAN](#) [SUKAN](#) [BISNES](#) [PENDIDIKAN](#) [SAINS](#) [REKREASI](#) [GAYA HIDUP](#)

VIDEO

[LAMAN UTAMA](#)[ARKIB BERITA](#)[JOM IKLAN](#)[ENGLISH VERSION](#)

CARI

[E-PAPER](#)[RENCANA](#)

ARKIB : 06/05/2008

2

Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh 5:45
Zohor 1:07
Asar 4:29
Maghrib 7:03
Isyak 8:18

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

IKLAN@UTUSAN

Mengerakkan daya gelombang membaca

Oleh KHAIRUSY SYAKIRIN HAS-YUN HASHIM

SETIAP sesuatu yang tercipta di dunia ini mengeluarkan gelombang, percaya atau tidak, walaupun seketul batu yang kecil.

Setiap gelombang mempunyai sifat dan daya kekuatannya yang tersendiri. Seperti gelombang Alpha yang didapati adalah antara bentuk gelombang yang paling 'tenang'. Tsunami yang melanda Aceh pada Disember 2004 pula adalah gelombang 'pemusnah' yang terkenal dengan kekuatan hentaman yang belum pernah terjadi sebelum ini.

Begini juga dengan usaha untuk mewujudkan gelombang membaca, terutamanya di kalangan rakyat Malaysia. Ia juga perlu mempunyai sifat dan daya kekuatannya tersendiri. Mungkin telah banyak bahan rujukan yang ditulis secara tidak langsung mengenai usaha mewujudkan gelombang ini. Namun begitu, satu usaha yang lebih proaktif dan bersepada perlu diwujudkan.

ePlayer Sukan

Persoalannya, bagaimana?

Untuk mewujudkan daya-daya penggerak gelombang membaca, beberapa ciri daya-daya itu perlu diperjelas dan dibincangkan. Seperti mana para saintis mengkaji, menulis dan menerima komen membina untuk melengkapkan kajian mereka, begitu juga yang harus berlaku kepada perbincangan isu-isu yang melibatkan pewujudan budaya 'baru' di dalam masyarakat kita, seperti budaya membaca.

Antara daya-daya yang perlu diwujudkan ialah daya penggerak iaitu manusia itu sendiri. Mereka yang 'terpilih' perlu mempunyai ilmu yang cukup untuk memperkatakan tentang budaya membaca, perihal dunia buku, epistemologi, biblioholism dan sebagainya yang amat berkaitan dengan masyarakat, membaca dan budaya.

Ciri-ciri lain yang perlu ada, jika dapat dirujuk pada *The Tipping Point*, tulisan Malcom Gladwell ialah seseorang penggerak itu perlulah dikategorikan di dalam *The Law of the Few*. Gladwell telah membincarkan tentang teorinya ini dengan mencadangkan bahawa walaupun hanya menggunakan sejumlah kumpulan manusia yang sedikit, perubahan besar akan berlaku.

Namun begitu, sejumlah kumpulan manusia yang sedikit itu perlulah pula mempunyai ciri-ciri yang memungkinkan mereka dikenali sebagai Penggerak. Tiga ciri-ciri tersebut ialah penghubung (connector), pakar (maven) dan jurujual (salesman).

Penghubung ialah mereka yang mempunyai 'kuasa semula jadi' yang dapat menghubungkan masyarakat dengan seseorang individu. Beliau perlulah berkusa (dalam erti kata masyarakat mendengar dan menerima nasihatnya) dan setiap individu di dalam masyarakat dihubungkan secara langsung atau tidak langsung kepada penghubung tersebut.

IKLAN@UTUSAN

Manakala pakar ialah mereka yang mempunyai ilmu dan memahami selok-belok bidang tersebut.

Dan jurujual ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri semula jadi yang dapat menarik perhatian masyarakat terhadap perkara atau objek yang menjadi barang jualannya.

Buku dan industri buku itu sendiri adalah daya penariknya. Buku tidak boleh dianggap sebagai beban kepada seseorang atau sesuatu masyarakat. Buku perlu dilihat sebagai penyumbang kepada ekonomi dan perubahan sosiosbudaya. Buku perlu 'diubah suai' bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Di dalam masyarakat maju seperti di negara-negara Barat dan maju, buku tidak lagi dilihat sebagai sebuah hasil karya yang membosankan atau mempunyai reka kulit buku yang langsung tidak menarik. Perubahan perlu dilakukan dan sesebuah syarikat penerbitan perlu berani berinovasi. Inovasi pula perlulah diikuti dengan penyelidikan dan pembangunan. Maka untuk itu faktor kewangan perlu diambil kira.

IKLAN@UTUSAN

[KOLUMNIS](#)

CUIT

ZAINI HASSAN



SELAK

HASSAN MOHD NOOR

[GAYA HIDUP](#)[Agama](#)[Keluarga](#)

Penerbit perlu sanggup mengeluarkan sejumlah wang daripada modalnya untuk memastikan buku-buku terbitannya kelak diterima oleh masyarakat, yang bukan sekadar melihat isinya, malah kulit dan kualiti penerbitannya itu.

Industri buku, terutamanya kedai-kedai buku perlu berani tampil dengan perubahan. Reka letak

IKLAN@UTUSAN

Hiburan
Rancangan TV
Feminin
Pendidikan
Sains & Teknologi
Agro
Kesihatan
S3
Polis & Tentera
Sastera

ARTIKEL

Rencana
Cuit
Selak
Awang Selamat
Kolumnis
Forum
Catatan Kembara

CAPAIAN LAIN

Classifieds
Utusan Airtime
Portal Pendidikan
Kosmo! Online
Mangga Online
Saji Online
MyBooks
Kareer
Utusan Karya
Laman Xtive

LAMAN KHAS

Liga M 2010
PRK 2010
UMNO 2011
Sharlinie
Salam Perantauan

rak-rak buku, kaedah-kaedah pemasaran terkini dan alat-alat bantu pemasaran perlu diambil kira.

Masyarakat itu sendiri merupakan daya penolak. Sesuatu budaya adalah terhasil daripada amalan yang telah diamal dan diterima oleh sesuatu masyarakat. Ia tentunya mengambil tempoh masa tertentu untuk berevolusi. Bagaimana ia bermula, tentunya daripada seseorang individu yang kemudiannya diterima pakai oleh keluarga tersebut, lantas diterima dan diamalkan oleh masyarakat setempat. Kita sebagai umat Melayu di Malaysia tentunya mempunyai 1,001 amalan yang telah sebat dengan umat ini sendiri. Dan disebabkan itulah budaya terhasil dan menjadi darah daging pengamalnya.

Begitu juga dengan budaya membaca yang diperbincangkan di dalam tulisan ini. Ia perlu diamalkan terlebih dahulu oleh individu-individu yang telah dikenal pasti sebagai penggerak. Lantas, penggeraklah juga yang akan menoloknya ke hadapan supaya kemudiannya dapat dijadikan amalan masyarakat setempat.

Ia tentunya bukan satu perkara yang mudah. Daya-daya yang telah dibincangkan di atas perlulah mengalami proses evolusi yang akan mengambil masa. Sekiranya daya-daya tersebut dapat diwujudkan terlebih dahulu, tidak mustahil siri gelombang akan wujud. Tidak besar, kecil pun memadai lah sebagai permulaan. Gelombang-gelombang air di laut, walaupun mungkin ada yang kecil, tetapi tidak mustahil berupaya mewujudkan siri gelombang air yang lebih besar, lantas dapat meranapkan pantai-pantai berbatu di pesisirnya. Itulah kekuatan sesebuah gelombang.

0 0 0 2
Like

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- "Jangan sekali-kali tikam belakang"
- LIMA rangsang industri tempatan
- Ke arah memperkasakan sekolah aliran agama
- BISIK-BISIK AWANG SELAMAT
- PAP Singapura mula lakukan transformasi
- Kenapa UMNO terus menegur Pas?
- PRU13 medan ujian kepimpinan Palanivel

IKLAN@UTUSAN**IKLAN TEKS**

- BACA QURAN SETIAP HARI, tapi tajwidnya ditahap beginner-kah?, pertengahan atau pro? UPGRADE sekarang!
- Buy Windows 7 PC and Office 2010 now! See offers here.



Like

235,969 people like Utusan Online.



Utusan Online on Facebook

Persediaan awal untuk pelajar dan ibubapa menjelang sesi akademik 2012 bersama 2 ikon motivasi Malaysia

MENARIK

- Sertai Peraduan Perdana Spot Bola**
Menangi MyVi dan pelbagai hadiah hebat.

Debat Bahasa Melayu 211 jam
Catac rekod baru Malaysia Book of Records.
- Saksikan TV1, TV2, TV Al-Hijrah asyik**
Streaming secara langsung dari PC anda.

Ruang iklan percuma hartaan, produk
Promosikan perniagaan anda kepada dunia.
- Jom langgan akhbar Utusan Malaysia**
Dapatkan terus akhbar dengan cara mudah.

Aduan sukar dapat nashkah akhbar
Beritahu kami jika akhbar tiada di tempat anda.
- Gambar kahwin Album Raja Sehari**
Abadikan kenangan indah anda di dada akhbar.

Mari baca Utusan Melayu Mingguan
Kekalkan tradisi, pelajari tulisan jawi.
- SMS News Alert Utusan Malaysia**
Dapatkan berita terkini di telefon bimbit anda.

DARI TUTOR.COM.MY

Dapatkan Paket Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin!!

Jawatan Terkini

- Accounts Executive › EXQUISITE RESOURCES SDN BHD
- PENOLONG PEGAWAI PROJEK BENGKEL JAHIT (PEMOTON) › MAIS Zakat Sdn Bhd
- PEGAWAI NAZIRAN › MAIS Zakat Sdn Bhd
- PENOLONG PEGAWAI PROJEK AGIHAN MAKANAN › MAIS Zakat Sdn Bhd
- Application Analyst (Domain) › Kareer Advertiser
- Shopping Centre Manager › Kareer Advertiser
- Customer Service front office › Kareer Advertiser
- Maintenance Supervisor › Kareer Advertiser
- Leasing Manager › Kareer Advertiser
- Administration Manager › Kareer Advertiser
- Customer Service (Walk in interview) › Kareer Advertiser

Kumpulan Utusan | Hubungi Kami | Jom Iklan | Termasuk Syarat

© UTUSAN MELAYU (M) BERHAD, 46M, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.